



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 8 Tahun 2020

PEMAKLUMAN PENGGUNAAN SISTEM PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK SECARA DALAM TALIAN

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf berkenaan penggunaan sistem permohonan kenaikan pangkat staf akademik secara dalam talian telah diluluskan pemakaianya melalui Mesyuarat Eksekutif Universiti.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Selaras dengan perkembangan teknologi dan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi berkenaan pelaksanaan permohonan kenaikan pangkat secara dalam talian, Bahagian Hal Ehwal Akademik dengan kerjasama Jabatan Infostruktur dan Bahagian Kemajuan Kerjaya telah membangunkan sistem kenaikan pangkat menggunakan platform MyATP dan sistem STARS.
- 2.2 Majlis Eksekutif Universiti melalui mesyuarat MEU Bilangan 1 Tahun 2020 bertarikh 8 Januari 2020 telah membuat keputusan bersetuju dengan cadangan pelaksanaan permohonan kenaikan pangkat secara dalam talian.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Hasil akademik, penerbitan, penyelidikan, perundingan, penyeliaan, serta bahan sokongan bagi kenaikan pangkat perlu didaftarkan di dalam sistem sokongan seperti PRISMA / IRES / ICON atau mana – mana sistem berkaitan.
- 3.2 Sistem MyATP akan mengambil kira kesemua hasil yang telah didaftarkan di dalam sistem sokongan tersebut dan sekiranya staf akademik telah memenuhi syarat kenaikan pangkat, sistem akan mengaktifkan butang permohonan kenaikan pangkat.


- 3.3 Seterusnya pemohon perlu log masuk ke dalam sistem e-kenaikan pangkat akademik di dalam sistem STARS untuk semakan syarat umum kenaikan pangkat yang telah ditetapkan oleh Universiti seperti berikut :-
- i) Disahkan dalam perkhidmatan;
 - ii) Telah mengisyiharkan harta & liabiliti;
 - iii) Telah menandatangani Surat Aku Janji;
 - iv) Bebas tindakan tatatertib;
 - v) Memperoleh LNPT minimum 80% bagi tempoh tiga (3) tahun berturut – turut terkini atau minimum 50% bagi staf cuti belajar
 - vi) Mencapai Tahap Kelayakan yang ditetapkan di dalam MyATP
- 3.5 Hanya permohonan yang memenuhi modul eCompliance di MyATP dan juga syarat umum dalam sistem STARS akan diproses ke peringkat seterusnya oleh Bahagian Kemajuan Kerjaya.
- 3.6 Fasa ini hanya merangkumi permohonan kenaikan pangkat secara biasa ke gred 52, 54 dan VK7 manakala bagi permohonan ke gred DM46, laluan kerjaya, kaedah istimewa, permohonan kenaikan pangkat menggunakan PhD dan kelayakan profesional masih menggunakan proses pengisian borang secara manual.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 1 Jun 2020.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa 1 Jun 2020.



PROFESOR TS. DR. HJ. MOHAMAD KAMAL HJ. HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)


Dikelilingkan Kepada:

*Semua Dekan Fakulti / Akademi / Pusat
Semua Rektor UiTM Cawangan*

Bil. Fail :
Tarikh :

Proses Permohonan Naik Pangkat Staf Akademik Secara Atas Talian

LAMPIRAN 1



LAMPIRAN 2

